

KENYATAAN MEDIA

3 Jun 2020

KUALA LUMPUR, 3 Jun – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) ingin menjelaskan pendirian Syarikat berkaitan isu perhimpunan yang telah berlangsung di Hospital Raja Permaisuri Bainun (“HRPB”), Ipoh, Perak pada 2 Jun 2020.

Syarikat ingin menegaskan bahawa kami sentiasa bersikap profesional dalam berurusan dengan Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia (“Kesatuan”). Tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa berkenaan penganjuran perhimpunan awam semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah perkara yang tidak ditentukan oleh Syarikat.

Walaupun keadaan sebenar telah dinyatakan seperti di atas, UEM Edgenta komited untuk memberikan penjelasan berkenaan tuduhan mengelirukan yang dibangkitkan oleh Kesatuan seperti berikut:

- 1. Edgenta UEMS (“Ed-UEMS”) telah memulakan usaha untuk menghalang segala aktiviti kesatuan secara besar-besaran di semua hospital, menyerang ahli kesatuan dan ahli jawatankuasa di tempat kerja.**

Sejak 2015, pihak Kesatuan telah secara aktif memperjuangkan/menyokong hak pekerja-pekerja pembersihan di bawah sub-kontraktor yang dilantik oleh pemegang konsesi perkhidmatan sokongan hospital, Edgenta Mediserve (*sister company* kepada Edgenta UEMS).

NS Medik Sdn. Bhd., salah sebuah syarikat subkontraktor yang dilantik oleh Edgenta Mediserve sebelum tahun 2020, telah menandatangani Perjanjian Persetujuan Bersama dengan pihak Kesatuan pada 23 Oktober 2019. Perancangan untuk menggunakan sumber dalaman oleh Edgenta Mediserve (iaitu penyediaan perkhidmatan pembersihan yang akan diambil alih oleh Edgenta UEMS bermula dari 1 Januari 2020) dilihat sebagai “Pemecahan Kesatuan” oleh Kesatuan.

Ini adalah tidak benar kerana keputusan untuk menggunakan sumber dalaman adalah dibincangkan melalui UEM Edgenta (Syarikat induk kepada Edgenta UEMS dan Edgenta Mediserve) dalam tempoh masa yang mana ini merupakan keputusan perniagaan dalaman dengan tujuan untuk:

- Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pembersihan di hospital;
- Mengguna pakai model operasi yang membolehkan pekerja pembersihan bekerja di bawah Edgenta UEMS secara langsung, dan bukan lagi sebagai pekerja subkontraktor. Ini membolehkan terma yang lebih baik dapat ditawarkan kepada mereka, antaranya pekerjaan tetap (bukannya kontrak terma tetap), dan insurans kemasukan ke hospital.

Berikutan perancangan penggunaan sumber dalaman ini, seramai 2,200 orang pekerja pembersihan dari subkontraktor terdahulu telah menjadi pekerja Edgenta UEMS.

Gaji asas telah dinaikkan kepada RM1,200 sebulan (terdahulu RM1,100 sebulan) dari Januari 2020 (sila rujuk perkara 10) dan penambahbaikan insurans kemasukan ke hospital (tidak disediakan sebelum ini). Dakwaan pemecahan kesatuan telah dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian untuk prosiding sebutan. Pada awalnya, prosiding ini telah dijadualkan pada 8:30 pagi, 19 Mac 2020 namun telah ditangguhkan berikutan pelaksanaan PKP. Kami masih belum menerima tarikh prosiding sebutan yang baharu.

2. Ahli Kesatuan terutamanya ahli jawatankuasa di tempat kerja telah dengan sengaja ditukarkan waktu bekerja dan syif tanpa mendapat persetujuan daripada mereka terlebih dahulu.

Sebarang perubahan jadual yang dibuat adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan yang paling penting bagi memenuhi kehendak setiap hospital.

Perubahan waktu bekerja adalah dilaksanakan mengikut S60A(1)(d) Akta Kerja 1955, Pindaan 2012 yang menetapkan seperti berikut:

60A. (1) Kecuali diperuntukkan seperti di bawah, seseorang pekerja tidak dikehendaki untuk bekerja di bawah kontraknya –

- *bekerja berterusan selama lima jam tanpa waktu rehat sekurang-kurangnya 30 minit;*
- *lebih dari lapan jam dalam sehari;*

- *melebihi waktu dalam beberapa tempoh selama sepuluh jam dalam sehari;*
- *melebihi empat puluh lapan jam dalam seminggu.*

Notis perubahan telah dimaklumkan melalui memo kepada pekerja bertarikh 11 Februari 2020. Pelaksanaannya telah dimulakan secara progresif sejak pengumuman memo tersebut dikeluarkan.

3. Pekerja yang aktif dalam kesatuan telah didenda dengan pertukaran ke hospital yang jauh dari tempat tinggal mereka

Edgenta UEMS telah menerima surat daripada Kesatuan pada 31 Mac 2020. Aduan yang dibuat adalah berkenaan pertukaran syif pekerja dari syif pagi kepada petang tanpa mengambil kira komitmen keluarga mereka.

Kami telah menyiasat perkara ini. Pada 26 Mac 2020, Hospital Kampar telah menulis surat aduan rasmi dan meminta pekerjaanya digantikan dengan pekerja lain, dengan alasan prestasi kerja yang tidak memuaskan. Kami telah mengambil tindakan yang terbaik bagi memenuhi permintaan tersebut dengan menugaskan pekerja yang berlainan syif di hospital yang sama.

Pekerja tersebut tidak bersetuju atas alasan komitmen keluarga dan tidak memberi kerjasama yang baik kepada Syarikat. Akhirnya, Syarikat mengambil keputusan untuk menukarkan beliau ke Hospital Tapah dengan jarak sejauh 20 km dari Hospital Kampar dan telah menugaskannya untuk syif pagi seperti yang diminta oleh beliau. Pekerja tersebut telah bersetuju dengan pertukaran ini dan perkara ini telah pun selesai.

Pertukaran yang dibuat ini tidak bermotifkan untuk mendenda pekerja tersebut yang merupakan ahli Kesatuan yang aktif tetapi adalah berdasarkan permintaan daripada hospital berikutan aduan berkaitan prestasi pekerja yang tidak memuaskan.

Mengikut polisi Syarikat, sekiranya berlaku penyalahgunaan kuasa oleh pekerja / penyelia bagi perlakuan yang tidak adil kepada rakan sekerja, kami akan mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya terhadap tertuduh.

4. Pekerja telah dipaksa untuk bekerja untuk waktu yang lebih lama tanpa dibayar elaun lebihan masa.

Ini adalah tuduhan yang tidak benar. Mengikut polisi Syarikat, amalan sedia ada dan memo bertarikh 11 Februari 2020 kepada pekerja, sekiranya seorang

pekerja diminta untuk bekerja di luar waktu kerja normal mereka, elaan lebih masa akan dibayar dengan sewajarnya, dan ini bertepatan dengan undang-undang buruh.

- 5. Menghalang aktiviti kesatuan – tidak membenarkan ahli jawatankuasa kesatuan di tempat kerja untuk mengadakan perbincangan bersama pekerja semasa waktu rehat yang sah, mengancam untuk mengambil tindakan disiplin terhadap ahli kesatuan, menakutkan pekerja dengan mengambil gambar perbincangan antara ahli jawatankuasa dan pekerja, dengan tujuan untuk mengambil tindakan disiplin.**

Polisi Syarikat tidak menghalang pekerja untuk menyertai sebarang aktiviti kesatuan selagi ia dilakukan di luar waktu bekerja, dan mengikut prosedur serta tidak mengganggu operasi berterusan di hospital. Sekiranya pekerja dihalang daripada menyertai sebarang aktiviti kesatuan, mereka boleh membuat aduan mengenai perkara ini kepada pengurusan tertinggi dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Semasa tempoh PKP sejak pertengahan Mac 2020, terdapat protokol berkaitan penjarakan sosial bagi memastikan keselamatan pekerja hospital serta barisan hadapan dan ini tidak sepatutnya menjadi satu kekeliruan dan dijadikan sebagai alasan kepada tuduhan menghalang daripada mengadakan aktiviti kesatuan.

Syarikat memandang serius terhadap tuduhan-tuduhan ini dan akan mewujudkan pasukan petugas dalaman bagi melihat tuduhan ini dengan mendalam. Jika tuduhan tersebut benar-benar berlaku, Syarikat akan menyiasat kebenaran fakta tersebut dan akan mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya kepada penyelia yang telah melanggar peraturan tatakelakuan.

- 6. Diskriminasi secara terang-terangan terhadap ahli kesatuan, dengan tidak memberi peluang untuk mereka bekerja lebih masa bagi meningkatkan pendapatan. Majikan secara terang-terangan mengugut bahawa mereka yang terlibat dalam aktiviti kesatuan akan dihalang daripada bekerja lebih masa.**

Bekerja lebih masa adalah berdasarkan keperluan operasi dan bukanlah secara kontrak. Apabila kerja lebih masa diperlukan bagi memenuhi kehendak operasi, pekerja yang telah terlatih dan mahir dengan keperluan pekerjaan tersebut akan dipilih. Kriteria pemilihan tidak berdasarkan sama ada mereka adalah ahli kesatuan ataupun bukan ahli kesatuan.

7. Gangguan secara lisan dan ugutan berterusan oleh penyelia Edgenta UEMS terhadap jawatankuasa kesatuan di tempat kerja.

Kami tidak menerima sebarang laporan mengenai insiden yang berkaitan dengan perkara ini. Sekiranya pekerja tersebut menerima sebarang gangguan atau ugutan, mereka boleh mengemukakan aduan kepada pihak pengurusan tertinggi dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Sebagai sebahagian daripada tatakelakuan Syarikat yang memberi keutamaan terhadap layanan yang adil, berintegriti dan rasa hormat, Syarikat akan membentuk pasukan petugas dalaman untuk mengkaji tuduhan tersebut. Sekiranya insiden tersebut berlaku, Syarikat akan menyelidik dan membuat siasatan untuk memastikan kesahihan fakta dan akan mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya terhadap penyelia yang telah melanggar tatakelakuan tersebut.

8. Tambahan pula, Edgenta UEMS tidak menyediakan peralatan PPE yang lengkap kepada petugas ketika membersihkan wad dan fasiliti COVID-19 sehingga memberi risiko tinggi untuk mereka terkena jangkitan. Khususnya bekalan topeng muka dan sarung tangan yang tidak mencukupi.

Ini adalah tidak benar. Umum mengetahui bahawa kita telah mengalami kekurangan bekalan topeng muka dan sarung tangan di peringkat global pada bulan Mac 2020. Namun demikian, Syarikat telah berusaha sedaya-upaya membeli peralatan PPE secukupnya demi keselamatan pekerja kami walaupun dengan harga yang jauh lebih tinggi berbanding biasa.

Oleh kerana tindakan pantas yang diambil oleh Syarikat dan mengutamakan keselamatan pekerja berbanding kos, stok dan bekalan PPE adalah mencukupi sejak bulan April 2020, dan pekerja telah disediakan dengan PPE yang sesuai mengikut garis panduan penggunaan yang disyorkan oleh hospital. Terdapat perbezaan garis panduan penggunaan untuk kawasan rawatan COVID-19 dan Bukan COVID-19 disebabkan oleh tahap risiko yang terlibat mengikut *Garis Panduan KKM COVID-19 Pengurusan No.5 / 2020 (dikemas kini pada 24 Mac 2020)*.

Adalah penting untuk memastikan peralatan PPE digunakan dengan sebaiknya dan memastikan bekalan tersebut tidak dibazirkan, Syarikat telah membuat pengendalian stok bagi mengelakkan penyalahgunaan penggunaan PPE serta mengurangkan risiko berlakunya kecurian.

- 9. Tidak memberikan bayaran elaun khas kerajaan sebanyak RM600 kepada pekerja di barisan hadapan. Edgenta UEMS hanya dibayar token berjumlah RM300. Para doktor, jururawat dan petugas perubatan lain telah menerima bayaran bantuan pekerja barisan hadapan tetapi petugas pembersihan tidak mendapat bayaran tersebut.**

Pembayaran sejumlah insentif Edgenta UEMS merupakan inisiatif Syarikat sendiri untuk menghargai pekerjaannya dan tidak mempunyai kaitan dengan peruntukan khas kerajaan sebanyak RM600. Kami amat kecewa kerana usaha murni Syarikat untuk memberi ganjaran kepada pekerja telah dimanipulasikan oleh pihak Kesatuan untuk mempengaruhi orang ramai bahawa Syarikat telah menolak sebarang elaun kerajaan kepada pekerjaannya.

Untuk makluman, kebanyakan pekerja di barisan hadapan Edgenta UEMS adalah dalam kalangan penerima insentif B40 kerajaan (pendapatan isi rumah di bawah RM4,000 dan RM8,000), yang mana mereka layak menerima bantuan sebanyak RM1,600 atau RM1,000 untuk setiap isi rumah.

- 10. Pekerja hanya menerima gaji minimum RM1,100 sebulan. Tiada kenaikan gaji tahunan, mereka hanya menerima gaji yang sedikit tanpa mengira tempoh perkhidmatan. Tiada kenaikan jumlah cuti berbayar tahunan atau cuti sakit yang layak bersesuaian dengan tempoh perkhidmatan pekerja.**

Tuduhan Kesatuan adalah tidak benar. Sejak Januari 2020, Syarikat telah membayar gaji sebanyak RM1,200 kepada semua pekerja pembersihan tanpa mengambil kira lokasi hospital mereka bertugas, walaupun telah diwartakan dalam Akta Gaji Minimum yang menggariskan sekitar 57 bandar yang telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2020.

Oleh kerana para pekerja kini telah menjadi pekerja tetap Syarikat (berbanding sebagai pekerja berstatus kontrak dengan majikan terdahulu), mereka berhak menerima kenaikan gaji tahunan. Cuti berbayar tahunan dan cuti sakit diberikan mengikut tempoh pengalaman apabila mereka menyertai Syarikat.

- 11. Menghentikan perkhidmatan pengangkutan bersubsidi untuk pekerja berulang dari hospital ke tempat kerja, telah mengakibatkan kesulitan dan kos tambahan kepada para pekerja.**

Terma & syarat pekerjaan kami tidak menyatakan pengangkutan sebagai sebahagian daripada faedah yang diberikan kepada pekerja.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan peralihan berjalan lancar dan memberi masa kepada pekerja merancang pengurusan pengangkutan alternatif, Syarikat masih meneruskan pengurusan pengangkutan untuk 139 pekerja yang menetap di luar lingkungan 30km sehingga ke hari ini.

Pada Februari 2020, Syarikat telah memberhentikan perkhidmatan pengangkutan untuk membawa 3 orang pekerja ke Hospital Bahagia Ulu Kinta (HBUK). Ini adalah kerana jarak tempat tinggal pekerja tersebut kurang daripada 30km dari hospital.

Sebagaimana yang termaktub dalam surat kami bertarikh 7 Februari 2020 kepada Kesatuan, kami akan memberikan taklimat kepada semua pekerja sekiranya penghentian pengangkutan tersebut dibuat.

-Kenyataan Tamat-

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan yang berkaitan.